



## **SIARAN MEDIA** *PRESS RELEASE*

### **INTAN Leadership & Transformation Summit 2014**

**Kuala Lumpur, 16 Oktober 2014** – *INTAN Leadership and Transformation Summit* (ILTS) 2014 adalah kesinambungan kepada program transformasi perkhidmatan awam yang telah dilaksanakan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebelum ini dalam program *Harvard Colloquium* pada tahun 2008 dan *Workshop on Leadership* pada tahun 2013. Tujuannya adalah untuk memberi tumpuan kepada meningkatkan tahap penyampaian serta kesan dan hasilnya kepada peserta dan perkhidmatan awam dalam perspektif yang lebih luas.

Profesor Dave Ulrich daripada *University of Michigan* sekali lagi telah dijemput pada tahun ini bagi berkongsi pengetahuan dan idea mengenai kepimpinan dalam era baharu transformasi bagi memastikan pembangunan masa depan organisasi akan terus mampan. Persekitaran yang dibelenggu dengan ketidaktentuan dan paradoks kompleks merupakan salah satu daripada cabaran yang dihadapi oleh pemimpin hari ini dan lebih membimbangkan apabila ia melibatkan perkhidmatan awam yang menjadi tulang belakang utama kepada pembangunan negara.

Tema pada tahun ini adalah "*Leading in Transformation: Building Capabilities for the Future*". Tema ini dipilih bagi mencerminkan hakikat bahawa dalam menjayakan agenda transformasi negara, tidak hanya memerlukan pemimpin yang berwibawa

tetapi juga pemimpin yang prihatin dan dapat melakukan transformasi demi untuk membangunkan perkhidmatan awam masa depan bagi memastikannya untuk terus relevan. Objektif penganjuran program ini adalah untuk mendedahkan peserta kepada trend dan kompetensi kepimpinan terkini, menerapkan amalan kepimpinan terbaik untuk diaplikasikan di organisasi, menyuntik idea-idea baharu bagi memperkasa proses transformasi di organisasi, menyebarluas pelaksanaan agenda transformasi perkhidmatan awam kepada rakyat dan mengukuhkan jaringan kerjasama dalam kalangan para peserta.

Program ini juga telah menjadi saluran untuk pemimpin dalam perkhidmatan awam berkongsi dan bertukar-tukar idea, pengetahuan dan pengalaman mengenai trend baharu dan amalan terbaik dalam aspek kepimpinan. Dianggarkan lebih daripada 800 peserta yang mewakili pelbagai kementerian dan agensi-agensi kerajaan hadir pada hari ini.

Terdapat kelainan penganjuran program pada tahun ini di mana turut diadakan *Transformation Showcase* dan *Digital Nexus Showcase*. Sebanyak hampir 50 pempamer yang terdiri daripada sektor awam dan swasta turut serta dalam *Transformation Showcase* yang terdiri daripada pameran oleh pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC), Karnival Kerjaya, Permainan Interaktif yang bersaiz gergasi, bazaar jualan, dan pameran berkaitan ICT. Turut diselitkan sesi Taklimat GST dan program sepetang bersama Mejar (Dr.) Faiz Khaleed, Angkasawan Malaysia. Manakala pengisian bagi *Digital Nexus Showcase* adalah panel perbincangan, *speaker's corner* dan pameran berkaitan *Public Sector Big Data Initiative*. Program utama yang menjadi fokus pada hari ini ialah *Leadership talk* oleh Profesor Dave Ulrich mengenai "*Leading from the Outside-In*" dan diikuti oleh forum bertajuk "*Leadership Sustainability: Building Capabilities for the Future*".

Profesor Dave Ulrich telah menerima pengiktirafan "*Lifetime Achievement Award*" daripada HR Magazine sebagai "*Father of Modern Human Resource*" pada tahun 2012. Beliau juga telah menghasilkan sebanyak 23 buah buku dalam bidang kepimpinan dan sumber manusia. Antara buku yang telah dihasilkan oleh beliau adalah *Leadership Sustainability (2013)*, *HR from the Outside-In (2012)*, *HR Transformation (2009)* dan *Leadership Code (2008)*.

###

Unit Korporat dan Antarabangsa  
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Tel: 03 2084 7205  
Emel: [melinda@intanbk.intan.my](mailto:melinda@intanbk.intan.my)

**16 Oktober 2014**